

SIARAN MEDIA
Untuk Siaran Serta Merta
19 Ogos 2025

SD Guthrie sumbang papan pintar interaktif dan lancar program sukan di SMK Jeram

- Sumbangan dilaksanakan oleh Yayasan Sime Darby di bawah program 'Sekolah Angkat MADANI SD Guthrie' melibatkan 15 buah sekolah di seluruh Negara
- Program sukan 'Jack-ke-Sekolah' dilancarkan bersama rakan projek Persekutuan Lawn Bowls Malaysia, memperkenalkan sukan boling padang kepada para pelajar dan guru

Kuala Selangor, 19 Ogos 2025 – SD Guthrie Berhad (Guthrie) hari ini menyerahkan sumbangan berupa lapan (8) unit papan pintar interaktif (*Interactive Classroom Smartboard*) kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Jeram (SMK Jeram). Sumbangan tersebut merupakan sebahagian daripada komitmen Guthrie di bawah program Sekolah Angkat MADANI SD Guthrie, di mana SMK Jeram merupakan salah satu daripada 15 sekolah di seluruh negara yang terpilih di bawah program tersebut.

Pada majlis yang sama, Guthrie turut melancarkan program 'Jack-ke-Sekolah', yang diilhamkan oleh Persekutuan Lawn Bowls Malaysia (PLBM), dan turut disokong oleh Yayasan Sime Darby (YSD), iaitu cabang filantropi Guthrie. Program 'Jack-ke-sekolah' bertujuan memperkenalkan sukan lawn bowl atau boling padang kepada SMK Jeram dan sembilan (9) lagi sekolah angkat Guthrie yang terpilih.

Menyentuh mengenai inisiatif-inisiatif tersebut, Pengarah Urusan Kumpulan Guthrie, Datuk Mohamad Helmy Othman Basha berkata, Guthrie berhasrat untuk melaksanakan pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang memberi manfaat kepada para penerima yang berkelayakan, selaras dengan seruan Kerajaan agar sektor swasta memainkan peranan yang lebih besar dalam meningkatkan kesejahteraan komuniti, khususnya di sekolah-sekolah di seluruh negara.

"Guthrie menyokong usaha-usaha untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat, sama ada mereka yang hidup di dalam mahupun di sekeliling kawasan operasi kami. Di Malaysia, kami telah bekerjasama sejak sekian lamanya dengan Yayasan Sime Darby dalam pelbagai inisiatif filantropi yang memberi tumpuan kepada pendidikan, alam sekitar, kesihatan dan masyarakat, seni dan budaya, serta pembangunan sukan. Komitmen ini dizahirkan lagi melalui program Sekolah Angkat MADANI SD Guthrie yang telah mengenal pasti 15 buah sekolah untuk diberikan sumbangan infrastruktur yang lebih baik. Ini adalah pelaburan yang penting untuk kita bersama-sama memperkasa generasi akan datang," kata Datuk Mohamad Helmy.

Bercakap mengenai penglibatan PLBM dalam program tersebut, Presiden, Datuk Awalan Abdul Aziz berkata, "Kami berbesar hati untuk bekerjasama dengan SD Guthrie dan YSD melalui program 'Jack-ke-Sekolah', yang menjadi platform bermakna untuk memperkenalkan sukan boling padang kepada para pelajar dan guru. Dengan menyediakan latihan kepada para guru di samping menggalakkan penglibatan pelajar, PLBM berhasrat membangunkan sukan ini di peringkat akar umbi dengan lebih mampan lagi ini. Inisiatif ini bukan sahaja

menggalakkan gaya hidup sihat dan aktif, malah memperkukuh ekosistem yang diperlukan untuk melahirkan bakat baharu dalam sukan boling padang di seluruh Malaysia.”

Di samping SMK Jeram, 14 lagi buah sekolah yang telah terpilih sebagai sekolah angkat Guthrie adalah seperti berikut:

1. SK Sri Simalajau di Bintulu, Sarawak
2. SK Desa Lavang di Bintulu, Sarawak
3. SK Ladang Dublin di Kulim, Kedah
4. SK Seri Pinang di Kerian, Perak
5. SK Jubli Intan di Layang-layang, Johor
6. SJK (T) Ladang Mentakab di Temerloh, Pahang
7. SK Abaka di Tawau, Sabah
8. SK Ladang Sapong di Tenom, Sabah
9. SK Kemendor di Jasin, Melaka
10. SMK Pulau Carey di Kuala Langat, Selangor
11. SJK (C) Ladang Siliau di Port Dickson, Negeri Sembilan
12. SJK (T) Pulau Carey Timur di Kuala Langat, Selangor
13. SMK Setia Wangsa di Lipis, Pahang
14. SMK Seri Bali di Segamat, Johor

Pelaksanaan program bagi setiap sekolah angkat tersebut juga diketuai oleh salah seorang ahli pengurusan tertinggi Guthrie yang akan memastikan bahawa keperluan setiap sekolah dikenalpasti dan disalurkan oleh YSD serta rakan-rakan projek yayasan tersebut. Penglibatan secara terus ini, menurut Datuk Mohamad Helmy, melambangkan komitmen Guthrie kepada matlamat utama kewujudannya: *‘Care to Nourish, Dare to Flourish’*.

SMK Jeram merupakan sekolah kelima di mana program sekolah angkat Guthrie dilancarkan semenjak inisiatif tersebut dimulakan pada bulan Julai lalu. Sebelum ini, dua buah sekolah di Sarawak (SK Sri Simalajau dan SK Desa Lavang), serta sebuah sekolah di Kedah (SK Ladang Dublin) dan Perak (SK Seri Pinang) telah pun disantuni Guthrie melalui program tersebut. Guthrie menyasarkan untuk menyantuni kesemua 15 buah sekolah angkatnya sebelum akhir tahun ini.

Mengenai SD Guthrie Berhad

SD Guthrie Berhad (Guthrie) ialah syarikat global terkemuka dan bertanggungjawab dalam sektor pengeluaran Minyak Sawit Disahkan Mampan (CSPO). Dengan tenaga kerja melebihi 80,000 orang, kami memenuhi keperluan pengguna dan pelbagai jenama makanan di 86 buah negara. Minyak sawit yang kami hasilkan adalah bebas daripada penebangan hutan dan boleh dikesan sumber asalnya.

Dengan sejarah penubuhan melangkaui 200 tahun, kami kini merupakan peneraju inovasi yang membangunkan generasi baharu robotik serta penyelesaian berasaskan teknologi bagi sektor minyak sawit dan perniagaan tani. Kami turut memenuhi permintaan bagi tenaga boleh diperbaharu melalui pembangunan projek solar dan taman perindustrian berprestasi tinggi, sambil memanfaatkan kepimpinan kami dalam kelestarian untuk membina lebih banyak kejayaan serta perniagaan yang siap siaga menghadapi masa depan.

Kelestarian adalah teras kepada segala yang kami lakukan. Sebagai syarikat minyak sawit pertama dunia dengan sasaran pengurangan gas rumah hijau bersih-sifar yang diluluskan oleh Science Based Targets initiative (SBTi), kami melangkaui dan meningkatkan penanda aras sedia ada melalui rangka kerja kelestarian Beyond Zero, demi memacu perubahan yang bermakna dalam sektor industri kami.

Guthrie mengendalikan 234 ladang sawit di Malaysia, Indonesia, Papua New Guinea, dan Kepulauan Solomon, yang disokong oleh 11 kilang penapisan dengan jumlah kapasiti tahunan sebanyak empat juta tan metrik. Kami menghasilkan 12% daripada jumlah keseluruhan CSPO di dunia. Kami juga menghasilkan dan menjual pelbagai derivatif minyak sawit seperti oleokimia, biodiesel, dan nutraseutikal, serta giat membangun dan mengkomersialkan benih sawit berprestasi tinggi dan lebih berdaya tahan terhadap cabaran perubahan iklim.

Disenaraikan di Bursa Malaysia (KLSE: SDG) dengan modal pasaran sebanyak RM34.30 bilion (USD8.12 bilion) setakat 18 Ogos 2025, Guthrie adalah salah satu syarikat strategik milik Permodalan Nasional Berhad, syarikat amanah saham terbesar di Malaysia dan pemegang saham utama kami. Kami turut disokong oleh beberapa institusi pelaburan besar yang lain seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP).

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.sdguthrie.com.

Atau Hubungi:

- **Azneal Azam - Ketua, Konten & Saluran Penyiaran**
Tel: +6016-337 6160 | E-mail: azneal.azam@sdguthrie.com
- **Michael Murty – Konten & Saluran Penyiaran**
Tel: +6016-326 8373 | E-mail: michael.murty@sdguthrie.com